

## HAKIKAT *TA'ĀRUḌ* ANTARA HADITH-HADITH NABI S.A.W DAN KESANNYA TERHADAP HUKUM FIQH

***Mohd Nazri Ahmad\*, Mohd Akil Mohd Ali, Mohd Shabri Yusof & Hamdi Ishak***

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

*m\_nazri@ukm.edu.my\**

### ABSTRAK

*Ta'āruḍ* atau percanggahan antara hadith lebih dikenali dengan *Mukhtalif al-Hadith* dikalangan ahli Hadith. Secara hakikatnya tidak wujud percanggahan tersebut kerana setiap pertuturan, perbuatan dan pengakuan Rasulullah s.a.w adalah berpandukan wahyu daripada Allah S.W.T. Para sahabat Nabi s.a.w yang hidup bersama Baginda amat memahami pertuturannya. Bagi mereka, tidak wujud percanggahan dalam setiap kenyataan Baginda s.a.w kerana mereka memahami situasi dan keadaan ketika sesuatu kenyataan atau arahan dikeluarkan. Namun setelah berlalunya generasi sahabat, tiada lagi orang yang memahami keadaan dan situasi tersebut. Yang tinggal hanyalah generasi pelapis yang tidak hidup bersama Rasulullah s.a.w. Mereka ini tidak menyaksikan suasana dan keadaan ketika Rasulullah s.a.w mengeluarkan kenyataan. Kerana itu mereka menganggap terdapat percanggahan antara hadith-hadith Rasulullah s.a.w. Lalu mereka berijtihad dan membuat andaian berdasarkan bukti-bukti dan *qarinah* bagi merungkaikan ikatan percanggahan yang terdapat pada hadith-hadith Nabi s.a.w ini. Artikel ini akan membincangkan sebab-sebab berlakunya kemushkilan, percanggahan dan syarat-syarat *ta'āruḍ* dalam hadith Nabi s.a.w. Kajian ini akan menggunakan kaedah pengumpulan data dan analisis. Pengumpulan data dilakukan dengan mengumpulkan hadith-hadith yang bertentangan lalu dianalisis dengan merujuk kepada tafsiran-tafsiran ulama. Pentarjihan akan dibuat selepas dilakukan analisis. Hasil kajian mendapatkan bahawa *ta'āruḍ* telah memberi kesan terhadap perbezaan pendapat dan kemunculan mazhab-mazhab dalam fiqh.

### PENGENALAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ الْخَمْدُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شَرِّ أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِي اللَّهَ فَلَا مُضْلِلٌ لَهُ، وَمَنْ يَضْلِلُهُ  
فَلَا هَادِيٌ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّا إِلَهٌ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، اللَّهُمَّ فَصُلِّ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى  
آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، أَمَّا بَعْدُ :

Nabi Muhammad s.a.w adalah rasul yang diutuskan oleh Allah S.W.T kepada manusia sebagai rahmat. Allah berfirman di dalam al-Qur'an:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِلْعَالَمِينَ

*Dan Kami tidak mengutus engkau (Muhammad) melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi seluruh alam.*

(Al-Qur'an, al-Anbiya', 21: 107)

Tugas utama Baginda ialah membaca ayat-ayat Allah, membersihkan manusia dari kekotoran syirik, menjelaskan maksud al-Qur'an dan mengajar al-Sunnah. Ini dapat dilihat di dalam firman Allah:

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمَمِ رَسُولًا مِّنْهُمْ عَلَيْهِمْ أَنْتُهُ وَيُرَيِّكُهُمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِنْ قَبْلِ  
لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ

*Dialah yang mengutus seorang Rasul kepada kaum yang buta huruf dari kalangan mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya, menyucikan (jiwa) mereka dan mengajarkan kepada mereka Kitab dan Hikmah (Sunnah), meskipun sebelumnya, mereka benar-benar dalam kesesatan yang nyata.*

(Al-Qur'an, al-Jumu'ah, 62: 2)

Setiap perbuatan, pertuturan dan pengakuan Baginda s.a.w adalah Sunnah yang merupakan sumber hukum di samping al-Qur'an al-Karim. Setiap pertuturan Baginda adalah wahyu daripada Allah S.W.T. Sehubungan itu Allah S.W.T berfirman:

وَمَا يُنطِقُ عَنِ الْهُوَىٰ إِنْ هُوَ لَا وَحْيٌ يُوحَىٰ

*Dan tidaklah yang diucapkannya itu (Al-Qur'an) menurut keinginannya. Tidak lain (Al-Qur'an itu) adalah wahyu yang diwahyukan (kepadanya)*

(Al-Qur'an, al-Najm, 53: 3 & 4)

Bagi manusia, beriman kepada Rasul s.a.w adalah tunggak akidah. Mereka diwajibkan mentaati setiap perintah Rasul s.a.w dan menjauhi segala larangannya. Firman Allah S.W.T:

وَمَا أَنْكُمُ الرَّسُولُ فَخَدُودُهُ وَمَا حَسِّكُمْ عَنْهُ قَاتَّهُوْرُ وَأَتَقْوَ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

*Apa yang diberikan Rasul kepadamu maka terimalah. Dan apa yang dilarangnya bagimu maka tinggalkanlah. Dan bertakwalah kepada Allah. Sungguh, Allah sangat keras hukuman-Nya.*

(Al-Qur'an, al-Hashr, 59: 7)

Namun, apabila terdapat percanggahan antara perintah atau larangan Rasulullah s.a.w, bagaimakah ketaatan terhadapnya dapat direalisasikan? Ketahuilah bahawa *Tā'irud* atau percanggahan antara hadith-hadith Rasulullah s.a.w pada hakikatnya tidak wujud. Jika benar berlaku percanggahan antara perintah Rasul s.a.w, sudah tentu ketaatan terhadap Rasul s.a.w tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya. Oleh itu ulama-ulama hadith bertungkus lumus melakukan kajian dan penyelidikan bagi menyelesaikan isu ini untuk memastikan setiap hadith Rasulullah s.a.w dapat diamalkan dan diperaktikkan sepenuhnya. Hasil kajian mereka muncullah kaedah dan formula yang sistematis dalam menyelesaikan setiap persoalan yang berhubung dengan hadith-hadith yang bercanggah ini. Antara ulama yang terawal menulis dalam bidang ini ialah al-Imam al-Syaff'i di dalam karyanya "*Ikhtilaf al-Hadith*". Kemudian diikuti oleh Ibn Qutaybah al-Dinawariy dalam karya yang berjudul "*Ta'wil Mushkil al-Hadith*". Antara karya terbesar yang dihasilkan dalam bidang ini ialah "*Mushkil al-Athar*" yang ditulis oleh al-Imam al-Tahāwiyyi.

Percanggahan zahir yang berlaku antara hadith-hadith Rasulullah s.a.w telah mencetuskan perbezaan pendapat dikalangan ulama-ulama mujtahid hingga menyebabkan munculnya mazhab-mazhab fiqh dalam Islam. Setiap mujtahid mempunyai metod dan pendekatan tersendiri dalam mentafsirkan hadith-hadith yang bertentangan. Persaingan antara mereka dalam berijtihad masih dalam suasana yang harmoni dan saling menghormati antara satu sama lain. Malangnya generasi pengikut yang datang selepas itu bersikap taksub dan menyalahkan orang tidak sealiran dengan mazhab mereka hingga mencetuskan suasana yang tidak harmoni.

Bagi umat Islam, setiap pendapat mujtahid berkaitan hadith-hadith bertentangan ini perlu diberi perhatian. Setiap mujtahid mempunyai hujah yang tersendiri dalam mengemukakan pandangan mereka. Adalah tidak wajar bagi pengikut mazhab tertentu menolak pandangan dan hujah mazhab yang bukan anutannya yang berkemungkinan mempunyai hujah yang lebih kuat.

Sikap begini berkemungkinan akan menyebabkan seseorang itu menolak dalil daripada al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah s.a.w yang sahih.

### Makna ‘am bagi *Ta‘āruḍ*

Dari Segi Bahasa:

*Ta‘āruḍ* bermaksud bertentangan. Contohnya dikatakan: “bertentangan antara seorang dengan seorang” iaitu bermaksud menjauhkannya atau menyimpang daripadanya dan berjalan dari arah bertentangan. (Al-Fairuz Ābādiy. 1426h/ 2005m: 647)

*Ta‘āruḍ* dari segi bahasa ialah jauh menjauhkan, tegah menegah atau menyimpang daripada sesuatu. Ini bermaksud setiap dua perkara yang *ta‘āruḍ* akan melalui jalan yang bertentangan antara satu sama lain. Maka kedua-duanya sama sekali tidak akan bertemu dan bercantum. (Dr. Usamah bin ‘Abdullah Khayyat. 1421h/ 2001m. 45)

### Makna ‘am *Ta‘āruḍ* dari Segi Istilah

Al-Mardāwiyy mendefinisikannya sebagai “*Ta‘āruḍ*” ialah pertentangan antara dua dalil secara tegah menegah antara keduanya walaupun antara dua dalil umum menurut pendapat yang paling sahih. (Al-Mardawiy, 1421h/ 2000m: 4126). Al-Sarkhasiy mendefinisikan sebagai: “Pertembungan antara dua hujah yang sama taraf yang membawa kepada berlawanan antara satu sama lain seperti satunya menghalalkan dan yang lain mengharamkan atau satu pihak menafikan sementara satu pihak lagi mengisbatkan. (Al-Sarkhasiy. 1414h/ 1993m: 2:18) Setelah membuat pembentangan yang panjang tentang definisi *Ta‘āruḍ* ‘Abd al-Latīf ‘Abdullah ‘Aziz al-Barzanjiyy membuat kesimpulan bahawa definisi yang terpilih ialah: Tegah menegah antara dalil-dalil syar‘i secara mutlak, salah satu daripadanya memberi maksud yang tidak sama dengan yang lain. (Al-Barzanji. 1417h/ 1996m. 1: 23) Berdasarkan definisi-definisi di atas tidak ada seorang pun yang mengaitkannya dengan “secara zahir” sedangkan percanggahan antara hadith tidak wujud pada hakikatnya. Seandainya wujud percanggahan secara hakiki tentu akan mencetuskan percanggahan di dalam dalil-dalil syarci dan ini adalah mustahil seperti yang disepakati oleh umat Islam. Dr Usamah bin ‘Abdullah Khayyat membuat kesimpulan selepas mengemukakan definisi “*Ta‘āruḍ*”: *Ta‘āruḍ* ialah percanggahan zahir yang berlaku antara dua *madlul al-hadith* atau lebih dan tertutup jalan untuk mengumpulkan antara keduanya”. (Dr Usamah. 1421h/ 2001m. 47)

### Definisi *Ta‘āruḍ* (Percanggahan) Menurut Istilah *al-Muḥaddithin*

Tidak terdapat definisi bagi lafaz *ta‘āruḍ* (percanggahan) di dalam kitab-kitab ‘Ulum al-Hadith. Lafaz *ta‘āruḍ* (percanggahan) hanyalah untuk menyifatkan *Mukhtalif al-Hadith*. Mereka berkata: *Mukhtalif al-Hadith* ialah percanggahan yang berlaku antara hadith-hadith secara zahir. Mereka tidak mendefinisikan *ta‘āruḍ* kemungkinan kerana maksudnya amat jelas bagi mereka dari sudut bahasa. Mereka lebih menumpukan kepada penjelasan terhadap maksud *Mukhtalif al-Hadith* serta menjelaskan perbezaan antaranya dengan *Mushkil al-Hadith*.

### Definisi *Mukhtalif al-Hadith*

Dari Segi Bahasa:

*Al-Mukhtalif* dari sudut bahasa berasal daripada kata dasarnya “*al-Ikhtilaf*” yang lawan bagi perkataan *muafaqah*. (Al-Fairūz Ābādiy, 1426h/ 2005m, 808)

Antara contohnya firman Allah:

مُخْتَلِفًا أُكَلَهُ

Maksudnya: Tidak serupa rasanya

(Al-Qur'an: al-An‘am: 6: 141)

Maksudnya: *berbeza apa yang terhasil daripadanya daripada jenis-jenis buah-buahan dan biji-bijian.*

(Al-Tabariy. 1405h/ 1984m. 12: 157)

*Dari Segi Istilah:*

Terdapat perbezaan dikalangan ulama dalam mendefinisikan “*Mukhtalif al-Hadith*”. Perbezaan ini berpunca daripada percanggahan mereka dalam menetapkan baris pada lafaz “*mukhtalif*”. Sebahagian *Muhaddithin* menetapkan bacaannya dengan *kasrah* huruf “*lam*” atas *wazan* “*ism fā’il*”. Berdasarkan bacaan ini, ia memberi maksud: Hadith yang bertentangan dengan hadith yang seumpamanya secara zahir. (Al-<sup>c</sup>Asqlaniy: 1427h/ 2006m: 20-21)

Sebahagian ulama pula menetapkan bacaan dengan *fathah* huruf “*lam*” yang merupakan *masdar mimiy*. Bacaan begini membawa maksud: Hadith yang berlaku percanggahan padanya. Maka ungkapan “*Mukhtalaf al-Hadith*” menurut Imam al-Nawawiy ialah: “Dua hadith yang berlawanan secara zahir dari sudut makna lalu disatukan atau ditarjihkan antara keduanya. (Al-Suyuti. 1409h/ 1989m, 2: 196)

Kedua-dua definisi di atas dikaitkan dengan perkataan “*zahir*” kerana percanggahan secara hakiki tidak akan berlaku terhadap hadith-hadith Nabi s.a.w. Al-Qadi Abu Bakr al-Bāqilāniy berkata: Setiap dua perkhabaran yang sampai daripada Nabi s.a.w, tidak sama sekali berlaku percanggahan sekalipun zahirnya bercanggah. (Al-Khatib al-Baghdadiy. 1357: 606)

## **PERBEZAAN ANTARA MUKHTALIF AL-HADITH DAN MUSHKIL AL-HADITH**

Menonjolkan perbezaan antara *Mushkil al-Hadith* dan *Mukhtalif al-Hadith* adalah suatu yang amat penting supaya tidak berlaku kesilapan dalam berinteraksi dengan kedua-duanya. Dari sudut Bahasa, kedua-duanya mempunyai perbezaan yang amat ketara. *Mushkil* dari sudut bahasa ialah bercampur aduk. Pada asalnya ia bermaksud menyerupai dan mengelirukan. (Lihat al-Fairuz Ābādiy. 1426h/ 2005m: 1019)

*Mushkil* dari segi istilah ialah setiap lafaz atau ayat yang terlindung maksudnya disebabkan ungkapannya dan ia tidak boleh difahami kecuali dengan akal. (Izz al-Din ibn Malik. 1315h, 1: 349)

Para *Muhaddithin* mempunyai definisi yang berbeza dengan *Usuliyun* tentang maksud *Mushkil*. Difahami daripada kenyataan al-Tāḥāwiyy, *mushkil* ialah *Āثار* yang diriwayatkan daripada Rasulullah s.a.w dengan sanad yang *maqbul* dan di sana terdapat maksud-maksud yang tersembunyi daripada pengetahuan manusia yang tidak boleh difahami dengan secara zahir. (Dr Usamah <sup>c</sup>Abdullah Khayyaṭ. 1421h/ 2001m, 31)

Dari sudut perbezaan antara keduanya boleh disimpulkan seperti berikut:

- a. Ruang lingkup *Mukhtalif al-Hadith* berkisar atas kewujudan makna *taṣāruḍ* (percanggahan) antara dua hadith, sementara *Mushkil al-Hadith* tidak hanya terbatas dengan kewujudan *taṣāruḍ* sahaja, tetapi menjangkau ke ruang yang lebih luas.
- b. *Mukhtalif al-Hadith* hanya terbatas terhadap percanggahan antara hadith-hadith sahaja tanpa melibatkan dalil-dalil syar'i yang lain, sementara *Mushkil al-Hadith* melibatkan ruang yang lebih luas antaranya kemushkilan yang timbul bukan disebabkan oleh percanggahan, tetapi disebabkan kekeliruan dalam lafaz sesuatu hadith. Kemushkilan juga wujud apabila sesuatu hadith itu bertentangan dengan ayat al-Qur'an, *ijma'*, *qiyyas* dan akal. (Dr Usamah <sup>c</sup>Abdullah Khayyaṭ, 1421h/ 2001m, 33)

## SEBAB-SEBAB BERLAKU **MUSHKIL AL-HADITH**

**Pertama:** Kemushkilan yang disebabkan oleh makna hadith, contohnya:

عن عائشة رضي الله عنها أن النبي ﷺ دخل عليها وعندما امرأة، قال: من هذه؟ قالت: فلانة – تذكر من صلامتها – قال: ما عليكم بما تطريقون، فوالله لا يمل الله حتى تملوا. وكان أحب الدين إليه ما دام عليه صاحبه. Maksudnya: Daripada ‘Aishah r.a bahawa Nabi s.a.w masuk kepadanya dan di sisinya ada seorang wanita lalu Nabi s.a.w bertanya: “Siapakah ini?” ‘Aishah r.a menjawab: Fulan – menceritakan tentang sembahyangnya – lalu Nabi s.a.w berkata: “Cukuplah tu, buatlah sekadar kemampuan kamu, Maka demi Allah! Allah tidak akan jemu sehingga kamu jemu. Allah paling kasih kepada seseorang yang amalannya berterusan.

(Al-Bukhariy. 1407h/ 1986m. Bab: 1:124 :43)

Kekeliruan yang terdapat di dalam hadith ini ialah menisbahkan jemu kepada Allah S.W.T. Jemu bermaksud berat terhadap sesuatu dan jiwa akan menjauhkannya selepas menyukainya. Ini merupakan sesuatu yang mustahil bagi Allah S.W.T. Al-Isma‘iliy dan sekumpulan Muhaqqiqin berkata: Digunakan lafaz ini sebagai timbal balas lafaz secara *majaz* seperti firman Allah:

وَجَرُوا سَيِّئَةً سَيِّئَةً مِّثْلَهَا

Maksudnya: *Dan balasan suatu kejahanan adalah kejahanan yang setimpal*

(Al-Qur'an, al-Syura: 42: 40)

Al-Qurṭubiy menegaskan: Gambaran majaznya ialah ketika Allah S.W.T memutuskan pahalanya terhadap orang yang memutuskan amalan kerana malas, lalu Allah menggunakan lafaz malas bagi dirinya. Ini termasuk dalam bab menamakan sesuatu dengan nama sebabnya. Al-Harawiy berkata: Maksudnya Allah S.W.T tidak akan memutuskan limpah kurnianya daripada kamu sehingga kamu jemu untuk memohonnya maka lalu berzuhud terhadapnya. Yang lain pula menegaskan: Maksudnya Hak ketaatan yang wajib kamu tunaikan terhadap Allah S.W.T tidak akan terhenti sehingga terhentinya kesungguhan kamu. (Al-‘Asqalāniy, 1407h/ 1986m, 1: 126)

**Kedua:** Kemushkilan disebabkan percanggahan antara ayat al-Qur'an dan hadith, contohnya:

عن جرير قال: كنا عند النبي ﷺ فنظر إلى القمر ليلة – يعني القدر – فقال: إنكم سترون هذا القمر لا تضامون في رؤيته. فإن استطعتم أن لا تعلبوا على صلاة قبل طلوع الشمس وقبل غروبها فافعلوا.

Maksudnya: Daripada Jarir berkata: Kami berada di sisi Nabi s.a.w, lalu Baginda melihat kepada bulan pada malam bulan purnama dan bersabda: Sesungguhnya kamu akan melihat Tuhan kamu seperti kamu melihat bulan purnama ini dalam keadaan kamu tidak bersesak-sesak. Sekiranya kamu mampu untuk tidak dikalahkan (dengan tidur dan sibuk) untuk menunaikan solat sebelum naik matahari dan sebelum terbenamnya (secara berjamaah) maka lakukanlah.

(Al-Bukhariy. 1407h/ 1986m. Bab: Faḍl Salat al-‘Aṣr. 2: 40: 554)

Hadith ini bertentangan dengan firman Allah:

لَا تُدْرِكُ الْأَنْصَارُ وَهُوَ يُدْرِكُ الْأَنْصَارَ وَهُوَ اللَّطِيفُ الْخَبِيرُ

Maksudnya: Dia tidak dapat dicapai oleh penglihatan mata, sedang Dia dapat melihat segala penglihatan itu, dan Dia lah yang Maha halus, Maha teliti.

(Al-Qur'an: al-An‘am: 6: 103)

Hadith di atas menghitbatkan bahawa orang-orang mu'min boleh melihat Allah pada hari qiamat sedangkan ayat al-Qur'an menafikannya. Ulama berkata: Kesesuaian menyebut kedua-dua solat ini yang merupakan solat yang paling afdal ialah apa yang telah dijelaskan bahawa kedua-dua waktu ini merupakan waktu berkumpulnya malaikat dan amalan akan diangkat. Oleh itu bersesuaianlah orang yang memelihara kedua-dua jenis solat ini diberikan anugerah yang paling afdal iaitu melihat Allah S.W.T. (Al-Asqalāniy. 1407h/ 1986m, 2: 42)

Adapun ayat 103 surah al-An'am itu ia bermaksud: Allah tidak boleh diliputi oleh penglihatan sekalipun kamu melihatnya dan bergembira dengan memandang wajahNya yang mulia. Menafikan "idrak" tidak bermakna menafikan "ru'yah" (melihat). Bahkan ia dihitbatkan dengan mafhum. Sesungguhnya apabila ternafi "al-idrak" yang merupakan sifat "ru'yah" (melihat) yang paling khusus, ia menunjukkan bahawa "ru'yah" (melihat) itu akan berlaku. (Al-Sādiy. 1436h/ 2010m, 246)

Berdasarkan tafsiran ini, maka tidak berlaku percanggahan antara ayat al-Qur'an dan hadith.

**Ketiga:** Kemushkilan disebabkan percanggahan hadith dengan ijma', contohnya:

عن أم سلمة رضي الله عنها قالت: كنت عند رسول الله ﷺ وعنده ميمونة، فأقبل ابن أم مكتوم — وذلك بعد أن أمرنا بالحجاب — فقال النبي ﷺ: إتحجا منه، فقلنا: يا رسول الله! أليس أعمى ولا يصرنا ولا يعرفنا؟ فقال النبي ﷺ: أفعميا وان أنتما، ألستما تبصرانه؟

Maksudnya: *Daripada Umm Salamah r.a katanya: Aku berada di sisi Rasulullah s.a.w dan di sisinya Maimunah, lalu datang Ibn Umm Maktum, ini berlaku selepas kami diperintahkan untuk berhijab, lalu Nabi s.a.w bersabda: Berhijablah kamu berdua daripadanya. Kami berkata: Wahai Rasulullah! Bukankah dia buta dan tidak melihat serta mengenali kami? Nabi s.a.w berkata: Adakah kamu juga buta, adakah kamu tidak melihatnya?*

(Abu Dawud. 1437h/ 2016m. Kitab al-Libas: 814: 4112, al-Tirmidhiy. 1435h/ 2015m. Kitab al-Adab, bab: 892: 2778. Hadith ini dinilai da'if oleh al-Albaniy)

Abu Dawud al-Sijistaniy berpendapat bahawa hukum yang terdapat di dalam hadith di atas adalah khusus untuk isteri-isteri Rasulullah s.a.w sahaja (Abu Dawud. 1437h/ 2016m, 814) Ibn Hajar al-Asqalaniy pula berpendapat bahawa perintah Rasulullah s.a.w di dalam hadith Umm Salamah ini kemungkinan untuk mereka berdua sahaja memandangkan Ibn Umm Maktum adalah seorang yang buta yang berkemungkinan ia tersingkap pakaianya dihadapan mereka tanpa disedari. (Sham al-Haq 'Azim Abādiy. 1410h/ 1990m, 6: 114)

**Keempat:** Kemushkilan disebabkan percanggahan antara hadith dan qiyas, contohnya:

عن أبي هريرة رضي الله عنه قال: قال رسول الله ﷺ: طهور إناء أحدهم إذا ولغ فيه الكلب أن يغسله سبع مرات أولاهن بالتراب

Maksudnya: *Daripada Abu Hurairah r.a berkata: Rasulullah s.a.w bersabda: Bersihnya bekas seseorang dari pada kamu apabila dijilat oleh anjing ialah dengan membasuhnya sebanyak tujuh kali yang pertamanya dengan tanah.*

(Muslim. 1421h/ 2000m, 132: 651)

Hadith ini bertentangan dengan kaedah umum yang diistinbatkan daripada firman Allah S.W.T:

يَسْأَلُونَكَ مَاذَا أُحِلَّ لَهُمْ فَلَمْ يَعْلَمُنَّ الْطَّيِّبَاتِ وَمَا عَلِمْتُمْ مِنَ الْجُوَارِحِ مُكَلِّيْنَ تُعَلِّمُوهُنَّ مِمَّا عَلِمَكُمُ اللَّهُ فَكُلُّوْمَا اَمْسَكْنَ عَلَيْكُمْ وَادْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ عَلَيْهِ بِوَاتِّعَا اللَّهُ يَعْلَمُ سَرِيعُ الْحِسَابِ

Maksudnya: *Mereka bertanya kepadamu (Muhammad), “Apakah yang dihalalkan bagi mereka?” Katakanlah, “Yang dihalalkan bagimu (adalah makanan) yang baik-baik dan (buruan yang ditangkap) oleh binatang pemburu yang telah kamu latih untuk berburu, yang kamu latih menurut apa yang telah diajarkan Allah kepadamu. Maka makanlah apa yang ditangkapnya untukmu, dan sebutlah nama Allah (waktu melepasnya). Dan bertakwalah kepada Allah, sungguh, Allah sangat cepat perhitungan-Nya.”*

(Al-Qur'an: al-Maidah: 5: 4)

Imam Malik menolak hadith ini dan lebih mentarjihkan *qiyyas* dan *al-Qawa'id al-Kulliyah* yang diistinbatkan daripada ayat di atas yang menunjukkan bahawa bulu anjing adalah suci. Beliau berkata: “Mana mungkin dimakan buruannya kalau mulutnya najis”. (^Abd al-Latif ^Abdullah ^Aziz al-Barzanjiy. 1417h/ 1996m. 2: 288)

Maksudnya Imam Malik menta'wilkan perintah Rasulullah s.a.w dalam hadith ini sebagai perintah sunat. Menurut beliau, membasuh jilatan anjing sebanyak tujuh kali bersama tanah adalah sunat kerana hadith tersebut bertentangan dengan al-Qur'an.

**Kelima:** Kemushkilan dengan sebab percanggahan antara hadith dengan akal, contohnya:

عن العلاء بن عبد الرحمن قال: دخلنا على أنس بن مالك رضي الله عنهما بعد الظهر فقام فصلى العصر، فلما فرغ من صلاته ذكرناه تعجيز الصلاة أو ذكرها، فقال: سمعت رسول الله ﷺ يقول: تلك صلاة المنافقين، تلك صلاة المنافقين، تلك صلاة المنافقين، يجلس أحدهم حتى إذا اصفرت الشمس وكانت بين قرني الشيطان أو على قرن الشيطان قام فنفر أربعا لا يذكر الله فيها إلا قليلاً .

Maksudnya: *Daripada 'Ala' bin 'Abd al-Rahman menceritakan: Kami masuk bertemu Anas bin Malik r.a selepas zuhur, lalu beliau bangun untuk menunaikan solat asar. Setelah beliau selesai solat asar kami menyebut tentang penyegeraannya terhadap solat asar atau beliau sendiri menyebut tentang kepentingan menyegerakannya. Sehubungan itu beliau menceritakan: Aku telah mendengar Rasulullah s.a.w bersabda: Itu ialah solat munafiq, itu ialah solat munafiq, itu ialah solat munafiq, duduklah seseorang daripada mereka hingga matahari kekuningan berada antara dua tanduk syaitan atau di atas tanduk syaitan lalu ia bangun menunaikan solat dengan cepat sebanyak empat rakaat seperti mematuk, ia tidak berzikir kepada Allah di dalam solatnya kecuali sedikit sahaja.*

(Muslim. 1421h/ 2000m. 252: 622, Abu Dawud. 1437h/ 2016m. 95: 413)

Kemushkilan dalam hadith di atas ialah lafaz “dua tanduk syaitan” atau “di atas tanduk syaitan”. Zahir hadith ini menunjukkan bahawa matahari berada di celah-celah tanduk syaitan atau di atas tanduk syaitan. Tetapi hakikatnya tidak begitu. Bagi menjawab persoalan ini Ibn Qutaybah berkata: Kita diperintahkan meninggalkan solat ketika naik matahari kerana waktu tersebut ialah waktu penganut agama matahari menyembah matahari. Pada waktu itu juga iblis berada di arah matahari terbit. Apabila mereka sujud kepada matahari, secara tidak langsung mereka akan sujud

juga kepada iblis. Bukanlah maksud tanduk itu seperti tanduk lembu atau kambing. (Lihat Ibn Qutaybah, 1419h/ 1999m, 125)

**Keenam:** Kemushkilan disebabkan percanggahan hadith dengan fakta umum. Contoh hadith sujud matahari di bawah arash setelah ia terbenam.

عن أبي ذر الغفاري رضي الله عنه قال: كتت مع النبي ﷺ في المسجد عند غروب الشمس فقال: يا أبا ذر أتدرى أين تغرب الشمس؟ قلت: الله ورسوله أعلم! قال: فإنما تذهب حتى تسجد تحت العرش فذلك قوله تعالى: والشمس بحري مستقر لها ذلك تقدير العزيز العليم.

Maksudnya: *Dari pada Abu Dhar al-Ghifariy r.a berkata: Aku bersama Nabi s.a.w di dalam masjid ketika matahari sedang terbenam, lalu Nabi s.a.w bersabda: Wahai Abu Dhar! Tahukah kamu di mana matahari terbenam? Aku menjawab: Allah dan Rasullah yang lebih mengetahui. Baginda s.a.w bersabda: Matahari pergi hingga ia sujud di bawah 'Arash.*

(Muslim. 1421h/ 2000m. 79: 159. Abu Dawud. 1437h/ 2016m. 795: 4002)

Demikian itu firman Allah:

وَالشَّمْسُ بَحْرٌ لِمُسْتَقْرٍ لَهَا يَدْلِيَ تَقْدِيرُ الْعَزِيزِ الْعَلِيمِ

*Dan matahari berjalan di tempat peredarannya. Demikianlah ketetapan (Allah) Yang Mahaperkasa, Maha Mengetahui.*

(Al-Qur'an, Yāsin, 36: 38)

Hadith ini bertentangan dengan fakta umum kerana matahari sentiasa terbenam jika dinisbahkan kepada tempat-tempat yang berbeza. Jika ia pergi sujud selepas terbenam di suatu tempat, bagaimana pula pada masa yang sama ia terbenam di tempat yang lain. Dalam merungkai persoalan ini, Shaikh al-Albaniy berpendapat bahawa penjelasan Nabi s.a.w kepada Abu Dhar itu adalah dalam konteks negara Madinah. Ini bermaksud sujudnya matahari selepas terbenam hanyalah berlaku di Madinah dan tidak di negara lain. (Lihat, Durus al-Shaikh al-Albaniy. Al-maktaba.org/book/7682/99)

## SYARAT-SYARAT TA<sup>c</sup>ĀRUD ANTARA HADITH

Tidak akan berlaku *ta<sup>c</sup>ārud* atau percanggahan antara hadith kecuali apabila memenuhi empat syarat-syarat berikut:

### Pertama: Bersatu Topik

Iaitu dua hadith yang bertentangan berkaitan satu topik. Sekiranya berbeza topik dan isu, maka harus dikumpulkan antara dua hadith dan tidak timbul isu percanggahan.

### Kedua: Bersatu masa

Dua hadith yang bertentangan itu diungkapkan oleh Rasulullah s.a.w dalam satu masa. Jika masa berlainan ia tidak dikira berlaku percanggahan kerana salah satu daripadanya dianggap sebagai *Mansukh*. Contohnya:

Hadith Salamah bin al-Akwa<sup>c</sup>:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَتَى بِجَنَازَةً لِيَصْلِيَ عَلَيْهَا فَقَالَ: هَلْ عَلَيْهِ مِنْ دِينٍ؟ قَالُوا: لَا! فَصَلَّى عَلَيْهِ. ثُمَّ أَتَى بِجَنَازَةً أُخْرَى فَقَالَ:

هَلْ عَلَيْهِ مِنْ دِينٍ؟ قَالُوا: نَعَمْ! قَالَ: فَصَلَّوَا عَلَى صَاحِبِكُمْ .....الْحَدِيثُ

Maksudnya: *Bahawa Nabi s.a.w didatangkan dengan jenazah untuk disolatkan lalu Baginda s.a.w bertanya: Adakah ia berhutang? Mereka menjawab: tidak, lalu Baginda menyembahyangkannya. Kemudian Baginda s.a.w didatangkan jenazah yang lain lalu Baginda bertanya: Adakah ia berhutang? Mereka menjawab: ya, lalu Baginda berkata: Kamu sembahyangkan ke atas kawan kamu.*

(Abu Dawud. 1437h/ 2016m. 679: 3343)

Hadith ini bertentangan dengan hadith Abu Hurairah r.a, Rasulullah s.a.w bersabda:

أَنَا أَوْلَى بِالْمُؤْمِنِينَ مِنْ أَنفُسِهِمْ فَمَنْ تَوَفَّ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ فَتَرَكَ دِينًا فَعَلَيْهِ قِضَاؤُهُ وَمَنْ تَرَكَ مَالًا فَلَوْرَتَهُ.

Maksudnya: *Aku paling awla terhadap orang mu'min daripada diri mereka, sesiapa yang dimatikan dalam keadaan meninggalkan hutang, maka akulah yang bertanggungjawab melunasinya, dan sesiapa yang meninggalkan harta, maka harta itu untuk ahli warisnya.*

(Al-Bukhariy. 1407h/ 1986m. 8: 376: 4781)

Hadith Abu Hurairah terkemudian daripada hadith Salamah bin al-Akwa<sup>c</sup>. Al-Hafiz al-Iraqiy berkata: Hukum Rasullullah tidak bersembahyang terhadap jenazah yang berhutang telah dimansuhkan tanpa syak. Selepas itu Baginda bersembahyang ke atas mereka serta menjamin hutang mereka seperti yang sabit dalam hadith-hadith yang sahih. Perkara ini dinaskan oleh Abu Bakr al-Hamzaniy dan al-Hafiz al-Mundhiriy. (Lihat Dr Usamah bin 'Abdullah Kahyyaṭ, 1421h/ 2001m. 49)

### Ketiga: Berlawanan antara dua hukum

Seperti salah satu daripada keduanya mengisbatkan sementara yang satu lagi menafikannya atau salah satunya menghalalkan sementara yang lain mengharamkan.

Contohnya sabda Rasulullah s.a.w:

لَا يَرِيَ حَيْنَ يَرِيْنِي وَهُوَ مُؤْمِنٌ، وَلَا يَسْرِقَ السَّارِقُ حَيْنَ يَسْرِقُ وَهُوَ مُؤْمِنٌ.

Maksudnya: *Tidak berzina seseorang ketika ia berzina itu ia beriman dan tidak mencuri seseorang itu ketika ia mencuri ia beriman.*

(Al-Bukhariy. 1407h/ 1987m. 12: 82: 6782)

Hadith ini bertentangan dengan hadith:

عَنْ الْمَعْرُورِ بْنِ سُوِيدٍ قَالَ: سَمِعْتُ أَبَا ذِرَّ يَحْدُثُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ أَنَّهُ قَالَ: أَتَانِي جَبَرَائِيلُ عَلَيْهِ السَّلَامُ، فَبَشَّرَنِي أَنَّهُ مَنْ مَاتَ مِنْ أَمْتَكَ لَا يُشْرِكُ بِاللَّهِ شَيْئاً دَخَلَ الْجَنَّةَ، قَلَّتْ: إِنْ زَنِي وَإِنْ سَرَقَ؟ قَالَ: إِنْ زَنِي وَإِنْ سَرَقَ.

Maksudnya: *Daripada al-Ma'rur bin Suwayd berkata: Aku mendengar Abu Dhar menceritakan daripada Nabi s.a.w bahawa Baginda bersabda: Jira'il datang kepada aku dan memberitahu berita gembira bahawa sesiapa yang mati daripada kalangan umatku dalam keadaan tidak mensyirikan Allah dengan sesuatu, ia akan masuk syurga. Aku bertanya: Sekalipun ia berzina dan mencuri? Baginda menjawab: Sekalipun ia berzina dan mencuri.*

(Muslim. 1421h/ 2000m. 55: 153)

Terdapat percanggahan daripada dua hadith di atas. Hadith pertama menafikan iman daripada penzina dan pencuri, sedangkan hadith kedua pula menjelaskan bahawa penzina dan pencuri yang mati dalam keadaan mentauhidkan Allah akan masuk syurga. Bagi menolak percanggahan ini Ibn Qutaybah, al-Nawawi, Abu Bakr ibn al-'Arabiyy dan Ibn Taimiyyah berkata:

“Yang dimaksudkan dengan menafikan iman daripada penzina dan pencuri ialah menafikan kesempurnaan iman, bukan bermaksud menafikan keseluruhannya. (Lihat Dr Usamah bin ‘Abdullah Khayyat. 1421h/ 2001m, 51)

## SEBAB-SEBAB BERLAKU TA‘ĀRUD (PERCANGGAHAN) ANTARA HADITH

Terdapat tiga sebab berlakunya tacārud (percanggahan) antara hadith iaitu:

**Pertama:** Percanggahan dari sudut umum dan khusus

Nabi s.a.w bersabda melalui hadithnya dengan lafaz umum, kemudian Baginda bersabda pula dengan lafaz yang khas dalam isu yang sama, orang yang melihat hadith Baginda menyangka bahawa di sana terdapat percanggahan, tetapi hakikatnya tidak berlaku percanggahan kerana salah satu daripada hadith itu bermaksud umum manakala yang satu lagi bermaksud khas. Imam al-Syafi‘i berkata: Rasulullah s.a.w bertutur dalam Bahasa Arab dan juga tinggal di negeri Arab. Kadang-kadang Baginda bersabda dengan menggunakan lafaz am tetapi maksudnya adalah khusus atau sebaliknya. (Lihat Dr. Usamah bin ‘Abdullah Kahayyaṭ. 1421h/ 2001m. 55)

Contohnya:

عَنْ أَبِي عُمَرْ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّدَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَحْنُ عَنِ الْمَزَابِنَةِ

Maksudnya: *Daripada Ibn ‘Umar r.a berkata: Bahawa Rasulullah s.a.w menegah daripada al-muzabahnah (menjual sesuatu yang jelas dengan sesuatu yang belum jelas dari jenis yang sama).*

(Muslim. 1421h/ 2000m. 669: 3894)

Hadith ini bertentangan dengan hadith:

عَنْ زَيْدِ بْنِ ثَابِتٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّدَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَخْصٌ فِي بَيْعِ الْعَرَابِيَّةِ بِخَرْصِهَا تَرْ

Maksudnya: *Daripada Zaid bin Thabit r.a bahawa Rasulullah s.a.w memberi kelonggaran dalam urusan jual beli al-‘araya (iaitu menjual buah tamar yang masih di pokok) dengan taksiran kurma kering.*

(Muslim. 1421h/ 2000m. 667: 3879)

Hadith Ibn ‘Umar menegah daripada jual beli sesuatu yang jelas dengan yang tidak jelas, tetapi mengharuskan jual beli ‘araya dalam hadith Zaid bin Thabit sedangkan transaksi ini juga melibatkan urusan penjualan sesuatu yang jelas dengan sesuatu yang tidak jelas.

Pengharusan jual beli ‘araya merupakan pengecualian daripada larangan jual beli *muzabanhah* dengan syarat kurang daripada lima cupak. (Dr. Usamah bin ‘Abdullah Khayyaṭ. 1421h/ 2001m. 59). Ini adalah kelonggaran yang diberikan oleh syara’ untuk kemaslahatan umat.

**Kedua:** Percanggahan dari sudut perbezaan situasi

Kehidupan Rasulullah s.a.w dan para sahabat sepanjang kehadiran Baginda bersama-sama mereka sudah tentu tidak kekal dalam situasi dan pola kehidupan yang sama. Perubahan situasi ini sedikit sebanyak akan mempengaruhi setiap keputusan dan kenyataan daripada Baginda s.a.w. Fatwa Baginda s.a.w akan berbeza selaras dengan perubahan suasana dan persekitaran. Antara contohnya ialah:

عَنْ أَبِي أَيُوبَ الْأَنْصَارِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّدَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ: لَا تَسْتَبِّلُوا الْقَبْلَةَ بِغَائِطٍ أَوْ بَوْلٍ وَلَكِنْ شَرْقُوا أَوْ غَرْبُوا

Maksudnya: *Daripada Abu Ayyub al-Ansariy r.a, daripada Nabi s.a.w bersabda: Janganlah kamu menghadap kiblat ketika berak atau kencing, tetapi hendaklah menghadap ke timur atau barat.*

(Muslim. 1421h/ 2000m. 162: 264)

Hadith ini bertentangan dengan hadith Ibn ‘Umar r.a:

عن عبد الله بن عمر بن الخطاب رضي الله عنه قال: رقيت يوما على بيت حفصة فرأيت النبي ﷺ يقضى حاجته مستقبل الشام مستدبر الكعبة.

Maksudnya: *Dari pada ‘Abdullah bin ‘Umar bin al-Khaṭṭāb r.a berkata: Pada satu hari aku naik ke bumbung rumah Ḥafṣah lalu aku melihat Nabi s.a.w menunaikan hajatnya dalam keadaan menghadap Syam membelaikan qiblat.*

(Muslim. 1421h/ 2000m. 162: 266)

Terdapat percanggahan antara dua hadith di atas. Hadith pertama Baginda s.a.w melarang daripada menghadap dan membelaikan qiblat ketika qada hajat sementara hadith yang kedua pula Baginda membelaikan qiblat ketika qada hajat. Percanggahan ini disebabkan dua situasi yang berbeza. Situasi pertama iaitu larangan menghadap dan membelaikan qiblat ketika qada hajat adalah dikhkususkan kepada kawasan lapang seperti padang pasir. Sementara situasi kedua iaitu mengharuskan menghadap qiblat atau membelaikannya ketika qada hajat ialah ketika didalam bangunan. (Lihat al-Shaikh Ibn Bassam. 1425h/ 2004m. 1: 56)

**Ketiga:** Percanggahan dari sudut penyampaian perawi terhadap sesuatu hadith.

Apabila terdapat kemushkilan dalam masalah agama, para sahabat akan bertanya Rasulullah s.a.w. Kesemua persoalan yang diajukan kepada Baginda s.a.w akan dijawab memenuhi keperluan orang yang bertanya dan umat umat selepas mereka. Sahabat-sahabat yang hadir dalam majlis Baginda s.a.w pada masa itu akan meriwayatkan soalan berserta jawapan yang mereka dengar tanpa penambahan dan pengurangan. Sementara yang lain pula kadang-kadang akan meriwayatkan apa yang mereka dengar daripada Nabi. S.a.w secara ringkas dan tidak lengkap. Ini menyebabkan orang yang menerima kedua-dua riwayat ini menganggap bahawa di sana terdapat percanggahan, sedangkan hakikatnya ia merupakan riwayat yang telah diringkaskan. (Dr. Usamah ‘Abdullah Khayyāt. 1421h/ 2001m. 75)

Antara contohnya ialah lafaz *tashahhud* dalam solat yang diriwayatkan daripada Ibn Mas‘ud.

عن عبد الله بن مسعود رضي الله عنه أنه قال: كنا إذا صلينا مع النبي ﷺ قلنا: السلام على الله قبل عباده، السلام على جبريل، السلام على ميكائيل، السلام على فلان وفلان، فلما انصرف النبي ﷺ قبل علينا بوجهه فقال: إن الله هو السلام، فإذا جلس أحدكم في الصلاة فليقل: التحيات لله والصلوات والطيبات، السلام عليك أيها النبي ورحمة الله وبركاته، السلام علينا وعلى عباد الله الصالحين، فإنه إذا قال ذلك أصاب كل عبد صالح في السماء والأرض،أشهد أن لا إله إلا الله وأشهد أن محمداً عبده ورسوله، ثم يتخير بعد من الكلام ما شاء.

Maksudnya: *Dari pada ‘Abdullah bin Mas‘ud r.a bahawa beliau berkata: Apabila kami solat bersama Nabi s.a.w kami akan ucapkan: Salam keatas Allah sebelum hambanya, salam keatas Jibril, salam keatas Mika’il, salam keatas fulan dan fulan. Setelah Nabi s.a.w selesai, Baginda menghadap mukanya kearah kami sambil berkata: Sesungguhnya Allah adalah Salam. Apabila seseorang daripada kamu menunaikan solat, hendaklah ia mengucapkan: Al-Tahiyyah itu bagi Allah dan salawat dan kebaikan, salam keatas kamu wahai Nabi dan rahmat Allah serta keberkatannya, salam keatas kami dan keatas hamba Allah yang salih. Sesungguhnya apabila ia mengucapkan perkataan tersebut, akan mengenailah setiap hamba yang salih di langit dan bumi, aku bersaksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan aku bersaksi bahawa Muhammad itu hamba dan pesuruhnya, kemudian ia memilih selepas itu untuk berkata apa yang ia kehendaki.*

(Muslim. 1421h/ 2000m. 171: 402)

Lafaz *tashahhud* yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Abbas:

عن عبد الله بن عباس رضي الله عنهما قال: كان رسول الله ﷺ يعلمنا التشهد كما يعلمنا السورة من القرآن فكان يقول: التحيات المباركات الصلوات الطيبات لله، السلام عليك أيها النبي ورحمة الله وبركاته، السلام علينا وعلى عباد الله الصالحين،أشهد أن لا إله إلا الله، وأشهد أن محمدا رسول الله.

Maksudnya: *Daripada ‘Abdullah bin ‘Abbas r.a katanya: Adalah Rasulullah s.a.w mengajar tashahhud kepada kami seperti Baginda mengajar surah daripada al-Qur'an, Baginda mengucapkan: Al-Tahiyyat, segala yang diberkati, salawat dan segala yang baik adalah bagi Allah, salam keatas kamu wahai Nabi dan rahmat Allah dan keberkatannya, salam keatas kami dan keatas hamba yang salih, aku bersaksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan aku bersaksi bahawa Muhammad pesuruh Allah.*

(Muslim. 1421h/ 2000m. 171: 403)

*Tashahhud* yang diriwayatkan oleh Abu Musa al-Ash'ariy r.a:

Lafaznya sama dengan lafaz Ibn Mas'ud kecuali tambahan:

التحيات الطيبات الصلوات لله...

(Muslim. 1421h/ 2000m. 171: 404)

*Tashahhud* yang diriwayatkan oleh ‘Umar:

عن عبد الرحمن بن عبد القاري أنه سمع عمر بن الخطاب رضي الله عنه وهو على المنبر يعلم الناس التشهد يقول: قولوا: التحيات لله الرأكيات لله الطيبات الصلوات لله، السلام عليك أيها النبي ورحمة الله وبركاته، السلام علينا وعلى عباد الله الصالحين،أشهد أن لا إله إلا الله، وأشهد أن محمدا عبده ورسوله.

Maksudnya: *Daripada ‘Abd al-Rahman bin ‘Abd al-Qariy bahawa beliau mendengar ‘Umar bin al-Khaṭṭāb r.a mengajar tashahhud kepada orang ramai ketika beliau di atas mimbar, ucapan: Al-tahiyyat adalah bagi Allah, Kesucian adalah bagi Allah, salawat adalah bagi Allah, salam keatas kamu wahai Nabi dan rahmat Allah dan keberkatannya, salam keatas kami dan hamba Allah yang salih, aku bersaksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan aku bersaksi bahawa Muhammad adalah hamba dan pesuruhnya.*

(Imam Malik. T.th. Bab; *Al-Tashahhud fi al-Ṣalāh*: 113)

## SUDUT PERCANGGAHAN

Kesemua hadith-hadith yang diriwayatkan menjelaskan lafaz *tashahhud* yang berbeza. Ulama berbeza pendapat tentang masalah ini seperti berikut:

Ulama sepakat mengatakan harus bertashahhud dengan riwayat Ibn Mas'ud, Ibn ‘Abbas dan Abu Musa al-Ash'ariy r.a, Cuma mereka berbeza pendapat dari sudut afdalnya. Imam Abu Hanifah, Abu Yusuf, jumhur Ahl al-Hadith, Sufyan al-Thauriy, Ishaq dan Abu Thur lebih mentarjihkan *tashahhud* Ibn Mas'ud kerana sanadnya paling sahih dan diriwayatkan oleh rantaian perawi-perawi yang masyhur. Imam Malik lebih mentarjihkan *tashahhud* ‘Umar bin al-Kaḥṭab. Alasan mereka ialah lafaz tersebut menyerupai lafaz *mutawatir* kerana ‘Umar r.a mengumumkannya di atas minbar di hadapan kumpulan sahabat Rasulullah s.a.w yang ramai dan tidak seorang pun daripada mereka mengingkarinya. Manakala Imam al-Syafi'i lebih mentarjihkan *tashahhud* Ibn ‘Abbas. (Dr. Usamah ‘Abdullah Khayyat. 1421h/ 2001m. 80)

## PENUTUP

Percanggahan antara hadith-hadith Rasulullah s.a.w tidak pernah wujud secara realitinya. Ia hanyalah sangkaan dan andaian mujtahid semata-mata. Isu ini tidak banyak timbul di zaman Sahabat r.a dan mereka terus merujuk kepada Nabi s.a.w seandainya terdapat kemusykilan. Bagi sahabat r.a tidak ada percanggahan antara hadith-hadith Nabi s.a.w kerana mereka memahami situasi dan keadaan ketika Rasulullah s.a.w mengeluarkan sesuatu kenyataan. Setelah datangnya zaman Tabi'in, mereka tidak hidup bersama Rasulullah s.a.w. Oleh itu mereka tidak memahami situasi Rasulullah s.a.w menuturkan sesuatu kenyataan. Maka timbullah dalam sangkaan dan andaian mereka bahawa terdapat percanggahan antara hadith-hadith Rasulullah s.a.w. Mereka sedaya upaya berijtihad untuk menyatukan antara hadith-hadith yang bercanggah ini hingga melahirkan mazhab-mazhab dan ijtihad yang berbeza. Para ulama sejak zaman Tabi'in hingga mutakhir ini telah meletakan kaedah dan pendekatan dalam berijtihad dalam menyelesaikan isu ini. Jika diteliti, metod yang digunakan oleh mereka tidak berbeza sejak dahulu hingga sekarang.

## RUJUKAN

Al-Qur'an al-Karim

*Tafsir Pimpinan al-Rahmān kepada Pengertian al-Qur'an*. Cet-12. (1995) Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri Kuala Lumpur.

Al-Albaniy. Muhammad Nāṣir al-Din bin Nuh. *Durus al-Shaikh al-Albaniy*. Al-Maktaba.org/book/7682/99.

Abu Dāwud. Sulaimān bin al-Ash'ath al-Sijistāniy. *Sunan*. Cet-1 (1437h/ 2016m). *Dar al-Faḥā'*, Dimashq.

Al-Asqalāniy. Aḥmad bin ‘Ali bin Ḥajar. *Faṭḥ al-Bāriy bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy*. Cet – 1 (1407h/ 1986m) Dār al-Rayyan li al-Turath.

Al-Barzanji. ‘Abd al-Laṭīf ‘Abdullah ‘Aziz. *Al-Ta‘āruḍ wa al-Tarjīh baina al-Adillah al-Syar‘iyyah*. Cet-1 (1417h/ 1996m). Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut – Lubnan.

Al-Fairūz Ābādiy, Majd al-Din Muhammad bin Yaqub. *Al-Qamus al-Muhiṭ*. Cet – 8 (1426h/ 2005m). Muassasah al-Risalah, Beirut – Lubnan.

Ibn Qutaybah. ‘Abdullah bin Muslim bin Qutaybah. *Ta’wil Musykil al-Hadith*. Cet – 2 (1419h/ 1999m) Al-Maktab al-Islamiy.

‘Izz al-Din ‘Abd al-Laṭīf bin ‘Abd al-‘Aziz bin ‘Abd al-Malik. *Sharḥ al-Manar wa Hawāsyihi min ‘Ilm al-Uṣūl*. (1315h), Al-Maṭbacah al-‘Uthmaniyyah – Istanbul.

Al-Mardawiy. ‘Alā’ al-Din ‘Ali bin Sulaiman. *Al-Taḥbir Sharḥ al-Tahrir fi Uṣūl al-Fiqh*. Cet – 1 (1421h/ 2000m) Maktabah al-Rushd – al-Riyaḍ.

Muhammad bin Ṣāliḥ al-‘Uthaimin & ‘Abdullah bin ‘Abd al-Rahmān Āli Bassām. *Tanbih al-Aħħam wa Taysir al-Allām Sharḥ ‘Umdat al-Āħħām*. (1425h/ 2004m) Dār Ibn Haitham al-Qahirah.

Muslim. Abu al-Ḥusain Muslim bin al-Ḥajjaj al-Qusyairiy al-Naisāburiy. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Cet-2, (1421h/ 2000m) Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tauzi‘. Riyāḍ.

Al-Sa‘diy. ‘Abd al-Rahmān bin Naṣir. *Taysir al-Karim al-Rahmān fi Tafsir Kalam al-Mannan*. Cet – 1 (1436h/ 2010m), Dār al-Taqwa.

Al-Sarkhasiy. Muhammad bin Ahmad Shams al-Din. *Uṣūl al-Sarkhasiy*. Cet-1 (1414h/ 1993m). Lujnah Iḥyā’ al-Ma‘ārif al-‘Uthmaniyyah - Ḥaidar Ābād.

Al-Sayutiyy. Jalal al-Din ‘Abd al-Rahmān bin Abi Bakr. *Tadrib al-Rawiy fi Sharḥ Taqrīb al-Nawawiy*. Cet – 3 (1409h/ 1989m). Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut – Lubnan.

*Tanwir al-Hawālik*. T.th. Dār al-Fikr.

Al-Tirmidhiy. Muḥammad ‘Isa bin Saurah. *Sunan*. Cet-1 (1435h/ 2015m) Dār al-Ghad al-Jadid.